

SURAU 'AL-ULUM KD9

Bil. 24 (Mac, 2007M:Safar/Rabiulawal, 1428H)

Untuk Edaran Ahli Kariah Sahaja

Percuma

SAYIDAH KHADIJAH AL KUBRA

Siti Khadijah Ibn Khuwalid r.a merupakan isteri pertama Nabi Muhammad saw, ibu kepada satu-satunya puteri Rasulullah saw iaitu Syaidina Fatimah az-Zahrah – penghulu kaum wanita di Syurga dan isteri Syaidina Ali bin Abi Thalib karamallahuwahjah. Siti Khadijah merupakan wanita pertama memeluk Islam dan menjadi tunggak utama perkembangan dakwah Islammiyah dip peringkat awal. Beliau sentiasa bersama Nabi saw tidak kira ketika senang atau pun susah. Sokongan moral dan material yang diberikan kepada Junjungan Besar Nabi Muhamad saw telah membolehkan Islam terus berkembang hinggalah nikmat Islam itu sampai kepada kita hari ini. Tanpanya dan tanpa pengorbanan jiwa dan raganya, kemungkinan kita tidak akan dapat mengecapi nikmat iman dan Islam seperti mana yang kita kecapai hari ini

Beliau ialah contoh terunggul seorang isteri yang mentaati dan menyangga perjuangan suaminya tanpa mengenal erti jemu dan kalah. Nabi saw tidak pernah melupakan cintanya terhadap Khadijah sering menyebut-nyebut namanya dan menceritakan pada orang ramai. Dan Baginda saw hanya berkahwin dengan wanita-wanita lain selepas kewafatan Khadijah. Selepas kewafatannya, dalam kesedihannya Nabi saw bersabda, "Allah tidak mengurniakan aku seorang wanita seperti Khadijah, dia beriman dikala semua orang tidak beriman, dan dia memberikan bantuan dikala semua orang menyekat aku, dan hanya dialah yang memberikanku zuriat dikalangan isteri-isteriku." Begitulah tingginya penghormatan Nabi saw terhadap insan yang bernama Siti Khadijah rah. Allah juga menjaganya dari setiap ujian dan cubaan dengan pertolongan dan perlindunganNya yang ampuh. Oleh kerana itulah, Khadijah digelar Sayyidah al Tohirah atau al Zakiyyah (Penghulu Perempuan Yang Suci); juga dikenali dengan gelaran Al Kubra (Perempuan Yang Agung) kerana kedudukannya yang besar daripada kedudukan perempuan yang lain

*Persoalannya apakah cukup sekadar kita mengenali beliau sebagai isteri Rasulullah saw – itu pun dikala kita menyambut Maulidurusul setahun sekali? Sejauh manakah kita mengenali beliau secara mendalam? Berapa kali kita pernah berdoa untuk kesejahteraannya? Wajarkah kita mengungkapkan kata-kata tidak sopan seperti 'tua nak mam***', dikhalayak ramai?*

Dikesempatan ini, Sinar ingin mengajak anda semua merenung kembali sumbangan Siti Khadijah rah. yang amat besar terhadap perkembangan Islam, terhadap umat Islam – kita semua yang telah diselamatkan dari kesesatan hasil sumbangan besarnya. Disertakan bersama ini satu artikel yang dipetik dari www.Islamweb.net dan disiarkan dalam teks asal yang memberi sedikit gambaran kehidupan Rasulullah saw bersama insan yang amat disayangi Siti Khadijah binti Khuwalid rah. (Rujuk English Corner)

Jadual Aktiviti / Pengajian Maghrib Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Pengajar	Tajuk
01/03 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
02/03 (Jumaat)	Ust. Hj Azizi Mat Yakob	Feqah
03/03 (Sabtu)	Ust. Syed Nazli Syed Mohamad	Umum
04/03 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
05/03 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Squara)	Tauhid
06/03 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
07/03 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem. Pend)	Tafsir
08/03 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
09/03 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
10/03 (Sabtu)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
11/03 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
12/03 (Isnin)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw
13/03 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadith Qudsi
14/03 (Rabu)	Ust. Osman (IIS)	Kisah Al-Quran
15/03 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
16/03 (Jumaat)	Ust. Azizi Mat Yaakon	Feqah
17/03 (Sabtu)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw
18/03 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
19/03 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Squara)	Tauhid
20/03 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadith Qudsi
21/03 (Rabu)	Ust. Zainuddin Abu Bakar	Umum
22/03 (Khamis)	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Hadith
23/03 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
24/03 (Sabtu)	Ust. Mohd Fauza Ali	Umum
25/03 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Khas - Maulidur Rasul
26/03 (Isnin)	Ust. Ramadan (UIA)	Khas - Maulidur Rasul
27/03 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Khas - Maulidur Rasul
28/03 (Rabu)	Ust. Osman (IIS)	Khas - Maulidur Rasul
29/03 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	Khas - Maulidur Rasul
30/03 (Jumaat)	FORUM PERDANA	Khas - Maulidur Rasul
31/03 (Sabtu)	Jemputan Khas	Khas - Maulidur Rasul

Kuliah Khas HELWA

24/03 (Sabtu) 2.30 ptg Ust Mohd Fadzil Ismail Isu Semasa

Kuliah Suboh

03/03 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Umum
04/03 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
10/03 (Sabtu)	Ust. Nik Radzi Nik Mat	Umum
11/03 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
17/03 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Umum
18/03 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
24/03 (Sabtu)	Ust. Ibrahim Zakaria	Umum
25/03 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith

Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diaturkan, mudah-mudahan ianya dapat mengelakkan dari bertambahnya 'topok-topok hitam' dalam hati kita. Nota: Jadual di atas tertakluk kepada pindaan, sila rujuk papan kenyataan di Surau untuk pindaan jadual terkini.

Binatang Huraisy memburu Lima jenis Manusia

Diriwayatkan pada hari akhirat kelak akan keluar binatang dari neraka bernama 'Huraisy' memburu 5 jenis manusia terdiri dari:

1. Orang yang Tidak Mengerjakan Solat
2. Orang yang Tidak Mengeluarkan Zakat
3. Orang yang Meminum Arak
4. Orang yang Menderhaka Kepada Orang Tuanya
5. Orang yang Suka Bercakap Hal Kedunia Di dalam Masjid

Catatan Kuliah Surau Al Ulum KD9

Kuliah Maghrib - 15/02/2007 oleh Ustaz Mohd Fadzil Ismail

• Allah berfirman "Aku tawarkan pada langit dan bumi untuk menjadi khalifah bagi mentadbir alam ini, satu pun tak nak sanggup, tetapi akhirnya manusia yang (bodoh dan jahil) mengambilmnya";

• Allah yang mengeluarkan bayi dari perut ibunya. Bila bayi ini dilahirkan, bayi ini tidak mengetahui apa-apa, tetapi Allah telah menciptakan penglihatan, pendengaran, hati serta akal (termasuklah diri kita sendiri). Maka sudah sepatutnya kita bersyukur dengan segala nikmat dan pemberian Allah itu;

• Ar-Rahman - pemberi nikmat yang besar / kasar; contohnya Allah telah memberi nikmat sepasang mata, sepasang telinga, hidung yakni bahagian luaran;

Ar- Rahim - pemberi nikmat yang halus; contohnya nikmat penglihatan, pendengaran, bau-bauan yakni bahagian dalaman;

• Kita hendaklah menjaga mata dengan penglihatan kita; jangan melihat benda-benda yang tak baik, yang tak senonoh, yang maksiat kerana segala yang nampak melalui mata akan terus masuk ke dalam hati kita. Hati inilah yang teramat sangat kita kena jaga. Jangan benarkan hati kita menjadi "rosak" hasil dari perbuatan kita tadi;

Imam Syafie pernah satu hari ternampak hanya tumit kaki seorang perempuan, disebabkan itu, Imam Syafie mempunyai kesukaran untuk menghafal al-quran pada hari itu, lalu beliau pun memohon taubat dari Allah taala.

• Selain menjaga mata, kita juga kena menjaga pendengaran kita. Kita sepatutnya mendengar zikir-zikir pada Allah, zikir-zikir pada para nabi serta lagu-lagu nasyid yakni mendengar pada perkara-perkara agama. Tetapi pada zaman sekarang ini, kita banyak mendengar pada perkara-perkara yang kita suka saja, perkara-perkara yang menyenangkan kita padahal perkara-perkara inilah yang akan menjahanamkan kita di akhirat kelak;

• Kita bukan saja kena menjaga penglihatan dan pendengaran kita, malah kita kena juga segala pancaindera kita yang lain seperti mulut, tangan, kaki dan sebagainya;

• Kalimah "Bismillah.....nir rahim", mengikut kata para Ulama tafsirannya amat besar dan berat sehingga "keberatannya" tidak tertampung oleh sebuah kedai;

• Untuk menjadi mukmin yang baik dan beriman :-

1. pemahaman yang halus pada Allah taala serta agama Islam; Islam dari segi bahasa ialah "serah diri" manakala dari segi syarak pula ialah "menyerah diri" serta taat pada perintah-perintah dan hukum-hukum Allah; Hendak mendapatkan pemahaman yang halus itu, kita perlu datang dan mencari Ilmu. Kita hendaklah mencari Ilmu dengan semangat yang bersungguh-sungguh serta semangat yang ikhlas; Mencari Ilmu ini bermula sejak dari zaman Nabi Adam lagi. Ilmu itu ada disisi Allah, jadi terpulanglah pada kita untuk mencari Ilmu tersebut; Mencari Ilmu itu perlu berguru, salah satu caranya ialah dengan menghadirkan diri ke surau-surau atau ke masjid-masjid untuk mendengar dan mempelajari dalam majlis Ilmu; Dengan mendengar majlis-majlis Ilmu ini, Allah akan memberi banyak rahmat. Diriwayatkan barangsiapa yang duduk dalam majlis - majlis Ilmu selama 1 jam, seluruh binatang-binatang dilautan dan daratan akan mendoakan kebaikan pada orang itu; Barangsiapa yang duduk dalam majlis-majlis Ilmu selama 2 jam, akan diberi pengampunan oleh Allah taala;

2. banyakkann berzikir dan berselawat keatas para nabi;

• Hiduplah kamu didunia ini seperti orang asing atau seperti orang yang hendak melintas jalan. Jadikan dunia ini sebagai sampingan bukan sebagai matlamat;

• Kalau kita tidak hairan dengan dunia, tetapi dunia itu sendiri akan hairan / terhegeh-hegeh dengan kita. (Kisah penjual yang menjual tamar yang buruk) /norhanizah mohamad

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan

- Biro Penerbitan & Penerangan

Kuliah Maghrib - 11/02/2007 oleh Ustaz Ghazali Akhbar

• Apabila kita mati, perkara pertama yang akan disoal dalam alam barzakh adalah bab solat. Solat itu adalah sebagai tiang agama; Barangsiapa yang mendirikan solat maka terdirilah tiang agama Islam itu tetapi barangsiapa yang tidak mendirikan solat maka hancurlah tiang agama Islam itu.

• Solat ada dalam rukun Islam, tetapi dalam rukun Islam tidak ada solat. Contohnya,

1. bila mendirikan solat, kita mengucapkan shahadah; tetapi apabila kita disuruh mengucap kalimah shahadah kita tak perlu bersolat, tak perlu berwuduk dan tak perlu menghadap kiblat kerana kita boleh mengucap bila-bila masa dan dimana jua kita berada.

2. kita mendirikan solat memang 5 waktu sehari (yakni subuh, zuhur, asar, maghrib dan isya') sama seperti dalam rukun Islam kedua yakni bersolat 5 waktu sehari;

3. bila mendirikan solat, kita kena berpuasa yakni menahan diri dari makan, minum dan sebagainya, tetapi dalam rukun Islam ketiga, apabila kita berpuasa dibulan Ramadhan kita tak perlukan bersolat yakni berwuduk / menghadap kiblat;

• Solat ini sebenarnya "berat". Makna "berat" disini ialah persoalan yang perlu kita tanya pada diri kita sendiri "Adakah kita benar-benar khusyuk bila bersolat?"

• Solat yang "ringan" itu ialah apabila kita rasa "kelazatan" bersolat. Dalam diri kita sendiri ada rasa ketuhanan. Dihati kita tidak ada perasaan atau fikiran yang lain cuma merasakan / memikirkan kelazatan dan kenikmatan bersolat. Sesungguhnya solat itu boleh mencegah kemungkaran maka untuk "meringankan" solat itu, maka kenalah melahirkan rasa ketuhanan itu.

• 4 usul untuk melahirkan rasa ketuhanan itu ialah :

1. Mendidik fizikal - dengan menjaga pemakanan kita. Kita hendaklah memakan makanan yang bersih / berzat / halal supaya seluruh anggota badan kita sihat dan cergas untuk membuat segala ibadah terutamanya bersolat;

2. Mendidik akal - mendidik akal ini susah sedikit dari mendidik fizikal. Kita kena "bermuzakarah" yakni berusaha mencari dan menimba ilmu. Berbagai cara untuk mencari ilmu ini dengan membaca / menghafal / bermuzakarah dan sebagainya;

3. Mendidik nafsu - mendidik nafsu ini susah dari mendidik fizikal dan akal. Kita kena mengawal dan melawan nafsu kita sendiri dari membuat perkara-perkara keburukan / kemaksiatan. Nafsu tidak pernah mengajak untuk membuat kebaikan, nafsu sentiasa mengajak untuk membuat kejahatan dan kemungkaran. Peperangan yang besar dalam diri kita ini ialah bila kita berperang dengan nafsu jahat kita.

4. Mendidik hati - Hati kita sebenarnya menjadi rebutan diantara syaitan dan malaikat untuk mengisinya. Jadi, untuk menjaga hati kita dari diisi oleh syaitan maka kita kena ada sifat mahmudah yakni sifat merendah diri, sifat bertawaduk, bersedekah dan mempunyai segala sifat - sifat yang membuat perkara-perkara kebaikan dan meninggalkan segala sifat - sifat kejahatan dan kemungkaran.

• Barangsiapa yang bertahajjud sepertiga malam, maka Allah akan menaikkan "darjat" orang itu. Dengan bertahajjud juga boleh mendidik hati kita supaya ada sifat mahmudah. Selain dari bertahajjud, berzikir dan bertahmid juga boleh mendidik hati dengan sifat mahmudah.

• Manusia - manusia pada zaman sekarang ini suka melengah - lengahkan dan meninggalkan sembahyang sebab nafsu dan hatinya tidak terdidik. Mereka ini tidak merasakan kelazatan bersolat serta tidak ada perasaan ketuhanan itu.

• Untuk mendidik fizikal, akal, nafsu dan hati kita, perkara akarnya ialah dengan menjaga pemakanan kita. Pastikan status makanan yang kita makan itu dari sumber-sumber yang halal dan bukan dari sumber - sumber yang haram. Kita kena juga pastikan keberkatannya yakni kandungan dan pembuat makanan itu mestilah dari sumber yang halal. Contohnya, mungkin kandungan makanan yang kita makan itu adalah dari sumber yang halal tetapi jika pembuatnya adalah berbangsa kafir seperti Cina atau India atau yang selain dari orang Islam sendiri maka sudah hilang keberkatannya./norhanizah mohamad

Enam Golongan Yang Dikutuk Oleh Allah dan Rasul

1. Orang yang menambah tafsiran dan menyimpang dari tafsirnya
2. Orang yang mendustakan kepada takdir Allah
3. Orang yang berkuasa tetapi takabbur, dia memulitkan orang yang dihina oleh Allah dan menghina orang yang dimulikan Allah
4. Orang yang menghalalkan sesuatu yang diharamkan oleh Allah di Tanah Haram
5. Orang-orang dari umalku yang menghalalkan sesuatu yang telah diharamkan Allah
6. Orang-orang dari umalku yang meninggalkan sunnahku

Petikan Al-Quran/Hadith

"Dan ingatlah ketika Isa anak Maryam berkata: 'Hai Bani Israil, sesungguhnya aku utusan Allah kepadamu, membenarkan kitab yang diturunkan sebelumnya, yaitu Taurat dan memberi khabar gembira dengan datangnya seorang Rasul yang akan datang kepadaku, yang namanya Ahmad (Muhammad).' Maka tatkala Rasul itu datang kepada mereka dengan membawa bukti-bukti yang nyata, mereka berkata: ini adalah sihir yang nyata."
Maksud Surah Ash-Shaf ayat 6.

RABIUL-AWAL BULAN KELAHIRAN RASUL S.A.W



BERITA RINGKAS SINAR AL-ULUM KD9



Pengertian Rabiul-awal

Rabiul awal berasal dari kata-kata 'Rabi' ertinya 'menetap.' Awal ertinya 'pertama.' Rabiul Awal ertinya menetap pertama. Dinamakan demikian kerana pada bulan ini semua lelaki yang pada mulanya meninggalkan rumah, sudah pulang ke rumah masing-masing.

Duabelas Rabiul Awal Hari Kelahiran Nabi Muhammad s.a.w.

Ketika Siti Aminah binti Abdul Wahab sedang mengandungkan Muhammad, sangat banyak peristiwa aneh dan ajaib yang dialaminya. Siti Aminah sudah mempunyai firasat bahawa bayi yang dikandungnya akan menjadi orang besar yang akan memimpin umat manusia. Pada suatu malam Aminah bermimpi seolah-olah ada cahaya dari perutnya yang memancarkan sinar terang seolah-olah ada cahaya dari perutnya yang memancarkan sinar terang benderang menerangi seluruh alam. Malahan dalam mimpi tersebut beliau dapat melihat gedung-gedung yang berdiri megah di Kota Syam. Pagi harinya, Aminah menceritakan peristiwa mimpinya kepada suaminya Abdullah bin Abdul Muthalib: "Malam tadi aku bermimpi seolah-olah ada cahaya dari perutku yang menerangi seluruh alam hingga aku dapat melihat gedung-gedung di Kota Syam. Selepas itu aku mendengar suara bahawa aku sedang mengandung pemimpin umat ini."

Isteri Abdul Ash mengatakan: "Ketika aku mengunjungi Aminah pada malam kelahiran Nabi Muhammad s.a.w iaitu pada 12 Rabiul Awal, aku melihat di rumah Abdullah seolah-olah cahaya yang menerangi seluruh alam. Aku melihat seolah-olah ada bintang menghampiriku, sehingga aku khawatir bintang itu akan jatuh menimpaku."

Suasana di rumah Aminah menjadi riang gembira. Ramai kaum kerabat keluarga dan jiran yang berkunjung ke rumah Aminah mengucapkan tahniah atas keselamatannya melahirkan bayi lelaki. Abu Lahab pun ikut bergembira walaupun pada masa-masa selanjutnya dia selalu menentang perjalanan dakwah Muhammad. Kerana gembiranya Abu Lahab membebaskan hambanya. Datuk Nabi Muhammad, Abdul Muthalib, juga turut melahirkan rasa bahagianya. Malahan kerana gembiranya beliau membawa bayi yang masih merah itu untuk bertawaf di Kaabah sebagai tanda syukur kepada Allah SWT.

Pada malam kelahiran Nabi Muhammad, banyak peristiwa menakjubkan berlaku. Sebagai suatu isyarat bahawa bayi yang dilahirkan itu bukan bayi biasa. Bayi itu kelak akan meruntuhkan sendi jahiliyah dan menegakkan keagungan akhlak. Pada malam kelahiran Nabi Muhammad s.a.w berhalu-hala yang ditegakkan di sisi Kaabah tersungkur berjatuh ke tanah tanpa angin dan hujan. Ini juga menunjukkan bahawa kelahirannya akan menghancurkan semua berhalu yang menjadi sembah orang Arab Jahiliyah ketika itu.

Pada malam itu juga ada cahaya yang keluar dari rumah baginda yang menyinari gedung-gedung yang menjulang tinggi di Kota Syam. Hal ini menandakan bahawa agama yang akan di bawa bayi ini akan tersebar ke seluruh penjuru dunia dan manusia akan mendapat sinaran ajaran tersebut. Pada malam itu tembok mahligai Raja Parsi retak dan empat belas jendelanya jatuh berguguran. Tembok istana dibina dengan kekuatan yang luar biasa menjadi retak sedangkan rumah-rumah kampung tidak mengalami apa-apa keretakan sedikitpun. Ini juga menandakan bahawa agama yang akan dibawa bayi ini pada satu saat akan mampu menumbangkan kekuatan 'superpower' dunia pada masa itu iaitu Rom dan Parsi.

PERLAWANAN BOLA TAMPAR PERSAHABATAN – Perlawanan antara Ahli Kariah Surau Al Ulum KD9 dan pelawat dari Jepun akan diadakan pada **AHAD 14 Safar 1428H/4 Mac, 2007 mulai jam 5.00 petang**. Tuan/puan di Perjiranan Rimba Riang KD9 dan yang berhampiran dijemput untuk bersama-sama dalam program tersebut.

MAJLIS GOTONG ROYONG BULANAN. Sebagaimana dimaklumkan dalam Edisi Sinar yang lalu, Surau kita akan mengadakan majlis ini pada hari Sabtu Kedua setiap bulan. Bagi bulan Februari ini, majlis akan diadakan pada **SABTU 20 Safar 1428H/10 Mac, 2007 mulai jam 8.00 pagi**. Tuan/puan di Perjiranan Rimba Riang KD9 dan yang berhampiran dijemput untuk bersama-sama dalam program tersebut.

PEMBANGUNAN SURAU AL ULUM KD9 – Juga telah dimaklumkan dalam Edisi Sinar yang lalu, pihak pentadbir Surau bercadang untuk meningkatkan tahap keselesaan para jemaah dalam beribadah dengan cadangan memasang pendingin hawa untuk dewan solat. Penajaan secara individu atau berkumpulan amatlah dialu-alukan. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Sdr Azmay Abd Rahman (012-3663115).

TAFACQUH FI AD DEEN – Pengajian Al-Quran, Hadith, Feqah, Aqidah, Solat, Bahasa Arab, Qasidah dan Sirah mengikut sistem pembelajaran di Yaman, Mekah dan pondok-pondok Islam di Surau Al Ulum KD baru bermula. Muslimin/muslimat yang berminat sila hubungi Ust Ahmad Lutfi Abdul Wahab (017-301 5063).

BACAAN YAASIN DAN TAHLIL ARWAH - (Sekiranya tiada kelas pengajian) Setiap hari Khamis malam Jumaat sepanjang tahun Surau Al-Ulum KD9 mengadakan majlis bacaan Yaasin dan tahlil arwah selepas solat Maghrib bertujuan untuk pengimarah surau serta memberi peluang kepada semua untuk memberikan sedekah kepada arwah mereka yang dikasihi. Tuan/puan yang berhasrat sila majukan borang permohonan berserta sumbangan ikhlas melalui mana-mana AJK Surau.

Api Parsi yang dinyalakan bertahun-tahun tidak pernah padam, pada waktu kelahiran Nabi Muhammad padam dengan sendirinya. Ini juga sebagai tanda, bahawa penyembah api akan dihancurkan dan dimusnahkan. Semua peristiwa ini terjadi adalah pada malam kelahiran Nabi Muhammad s.a.w iaitu pada 12 Rabiul Awal.

Sejarah Bermulanya Peringatan Maulidurrasul

Setelah 300 tahun Rasulullah s.a.w wafat, barulah sejarah kelahirannya diperingati orang. Yang mula-mula memperingati adalah Malik Muzhaffar Abu Sa'id, iaitu seorang penguasa negeri Irbil, Iraq. Imam Ibnu-Jauzi mengatakan bahawa pada cara peringatan pertama Maulidurrasul ini seorang pujangga terkenal bernama Al-Hafiz Ibnu Dahiah menyusun suatu naskah yang berisikan riwayat singkat tentang perjuangan Nabi Muhammad s.a.w.

Kerana jasanya itu Malik Muzhaffar menghadiahkannya wang sebanyak 1,000 dinar. Pada acara peringatan Maulidurrasul itu Malik bin Muzhaffar menyembelih 5,000 ekor kambing, 10,000 ekor ayam, 1,000,000 roti bermentega dan 3,000,000 piring untuk tempat kueh. Hadir pada acara peringatan tersebut, pemuka-pemuka agama, alim ulama, ahli-ahli tasawuf dan orang-orang ternama lainnya. Biaya yang diperlukan untuk mengadakan peringatan Maulidurrasul pada waktu itu seluruhnya berjumlah 300,000 dinar. Mulai saat itu sampai sekarang, ramailah umat Islam di seluruh dunia memperingati hari Maulidurrasul tersebut.